

Kastam rampas pelbagai komoditi diseludup RM77j dalam 23 hari

Pintu masuk terus dikawal ketat ketika Ramadan elak ketirisan hasil negara

Oleh Sarlha Mohd Ali
sarlha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya merampas pelbagai komoditi bernilai hampir RM77 juta bagi tempoh 23 hari pada bulan ini, sekali gus dapat memenangi penyeludupan dan memberantas ketirisan hasil negara.

Dalam tempoh itu, 24 kes rampasan membabitkan dadah bernilai RM40.3 juta; diikuti 67 kes komoditi lain termasuk kenderaan, beras, sayur, mata wang, tekstil, bahan buangan dan skrap bernilai RM27.9 juta; 30 rampasan meruncit bunga api bernilai RM5.3 juta; 81 kes rokok (RM2.73 juta) dan 39 kes minuman keras/bir, RM769,778.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin, berkata kejayaan pasukannya mengagalkan cubaan penyeludupan komoditi bernilai RM76,948,643.45 menerusi 241 kes dalam tempoh 23 hari (2 Mac hingga 25 Mac) membuktikan ketangkasnya melaksanakan tugasnya tanpa henti walaupun pada Ramadan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan ekonomi negara terjaga.

Reliani berkata niaknva tidak

Eksklusif

ngawal masuk dan keluar barangan termasuk bahan yang tidak sah atau berbahaya serta sering menjadi sasaran penyeludup.

"Ramadan bukan halangan untuk kami melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab, malah anggota tetap komited dan berdedikasi menjaga keselamatan negara, sekali gus mengekang ketirisan hasil yang boleh digunakan untuk pembangunan rakyat.

"Sebab itu, bagi tempoh 23 hari pada Ramadan ini, kita berjaya merampas barangan dan komoditi bernilai hampir RM77 juta, ini satu pencapaian yang membanggakan.

"Kejayaan ini juga antara lain disebabkan penggunaan peralatan canggih berteknologi tinggi yang dimiliki kastam termasuk keupayaan mesin pengimbas mengesan barangan tidak sah atau yang diseludup ke negara ini," katanya kepada BH, semalam.

Sasar kutip hasil RM67.25b

JKDM menetapkan sasaran kutipan hasil sebanyak RM67.25 bilion pada tahun ini, iaitu lebih tinggi berbanding pencapaian kutipan hasil cukai tidak langsung berjumlah RM65.575 bilion pada tahun lalu yang juga melepasi sasaran RM56 bilion ditetapkan Kementerian Kewangan.

Anis Rizana dalam laporan media sebelum ini berkata niak-



Gambar fail antara kejayaan kastam mengagalkan cubaan menyeludup barangan larangan.

kutipan hasil ditetapkan itu dapat dicapai.

Langkah ini perlu susulan Kerajaan Malaysia merancang memperluas asas cukai dan mengurangkan subsidi pada tahun ini sebagai sebahagian daripada reformasi fiskal untuk mengurangkan defisit.

Anis Rizana berkata, langkah tegas ini sebahagian daripada usaha berterusan pihak JKDM mengawal dan mencegah aktiviti penyeludupan yang boleh memberi kesan negatif terhadap ekonomi dan masyarakat.

Beliau berkata, pihaknya akan terus meningkatkan pemantauan terhadap barangan yang ber-

sanakan dengan ketat.

"Pelbagai operasi dan pemeriksaan dilakukan di pintu masuk negara termasuk pelabuhan, lapangan terbang pos sempadan

bagi memastikan tiada barangan diseludup masuk atau khasiat bagi barangan terkawal dan bahan boleh membahayakan keselamatan negara," katanya.

Kejayaan ini juga antara lain disebabkan

penggunaan peralatan canggih berteknologi tinggi yang dimiliki

kastam termasuk keupayaan mesin pengimbas mengesan barangan tidak sah atau yang diseludup ke negara ini

